



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 46
Bil. 25

4 Disember 2003

TAMBAHAN
No. 2

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

EXCISE ACT 1976

(Act 176)

No. 520.

PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESEN) TAHUN 1977

MESYUARAT LEMBAGA PELESEN

EXCISE (LICENSING BOARD) REGULATIONS 1977

LICENSING BOARD MEETING

Maka inilah dinyatakan iaitu Lembaga Pelesen Daerah Langkawi yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976 berkenaan dengan Daerah Langkawi akan mengadakan Mesyuarat Setengah Tahun Pertama bagi Tahun 2004 bertempat di Pejabat Daerah Langkawi pada hari Khamis 18 Disember 2003 jam 2.00 petang bagi menimbang:

- (a) Permintaan-permintaan baharu bagi lesen-lesen menjual minuman keras; dan
 - (b) Permintaan-permintaan bagi memperbaharui lesen-lesen menjual minuman keras bagi Setengah Tahun Pertama 2004.
2. Permintaan-permintaan itu hendaklah ditulis iaitu diperbuat empat (4) salinan di dalam Borang yang dipertetapkan di dalam Jadual bagi Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) Tahun 1977 dan hendaklah dihantarkan kepada Pengerusi di Pejabat Daerah Langkawi tidak lewat daripada empat (4) minggu daripada:
 - (a) 18 Disember 2003 berkenaan dengan permintaan baharu; dan
 - (b) Tarikh lucut lesen sekarang dengan permintaan bagi memperbaharui lesen-lesen itu.

3. Tiap-tiap permintaan bagi lesen untuk rumah-rumah dan tempat-tempat yang belum pernah dilesenkan hendaklah dengan perbelanjaan sendiri mengiklankan surat hal ia telah memohon kepada Lembaga supaya dikeluarkan lesen menerangkan keadaan lesen yang dipohon itu dan membentangkan iklan itu pada tempat yang mudah dilihat pada rumah-rumah atau tempat-tempat yang hendak dilesenkan itu selama dua (2) minggu dahulu daripada 18 Disember 2003.

Notice is hereby given that the Langkawi Licensing Board constituted under the Excise Act, 1976 in respect of the District of Langkawi will hold its First Half Yearly Meeting for the Year 2004 at the District Office Langkawi on Thursday 18th December 2003 at 2.00 p.m. to consider:

- (a) New applications for licences to sell intoxicating liquors; and
 - (b) Applications for renewal of licences to sell intoxicating liquors for the First Half for the Year 2004.
2. Applications must be in writing in quadruplicate in the Forms prescribed in the Schedule to the Excise (Licensing Board) Regulations 1977 and must be submitted to the Chairman at the District Office Langkawi not later than four (4) weeks before:
 - (a) 18th December 2003 in the case of new application; and
 - (b) Date of expire of the existing licences in the case of applications for renewal of such licences.
 3. Every application for a licence for premises not previously licensed shall, at his own expense advertise in writing the fact that he has made an application to the Board for the issue of licence, describing the nature of the licences applied for and displaying conspicuously such advertisement at the premises it is intended to be licensed for a period of two (2) weeks immediately preceding the 18th December 2003.

Bertarikh 12 November 2003.

Dated 12 November 2003.

[PSU(K) 509/1385 Jld. 2; PDL/391 Jld. 1(15).]

HAJI RASLI BIN BASSIR,
Pengerusi Lembaga Pelesen (Eksais),
Daerah Langkawi,
Kedah Darul Aman

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA